

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH  
[ PETALING JAYA ]**

**TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 13**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan untuk mempertimbangkan meluaskan skop pekerja yang dilindungi di bawah Akta Kerja 1955, serta untuk memperkenalkan pindaan melarang diskriminasi berdasarkan gender, agama, status kehamilan dan faktor lain dalam sektor swasta.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) sedang dalam usaha meminda Akta Kerja 1955 (Akta 265) dengan mentakrif diskriminasi dalam kerjaya, pekerjaan dan memasukkan larangan diskriminasi terhadap pekerja sebagai salah satu cadangan pindaan. Melalui cadangan pindaan ini, mana-mana majikan yang mengamalkan diskriminasi dalam pekerjaan boleh didakwa atas kesalahan tersebut dan boleh dikenakan penalti jika sabit kesalahan.
2. Bab khusus berkaitan larangan diskriminasi dicadang dimasukkan dalam pindaan Akta Kerja 1955, yang akan merangkumi diskriminasi skop jantina, agama, bangsa atau ketidakupayaan, selaras dengan saranan daripada Pertubuhan Buruh Antarabangsa melalui *Discrimination (Employment and Occupation) Convention No. 111* (1998). Walaubagaimanapun, keperluan khusus sesuatu pekerjaan itu bukanlah bentuk diskriminasi.
3. Walaupun perkara berkaitan tawaran gaji tidak dinyatakan secara jelas dalam cadangan pindaan tersebut, namun, perkara berkaitan terma dan syarat dalam kontrak perkhidmatan ini boleh dijadikan asas untuk siasatan oleh Ketua Pengarah berhubung isu diskriminasi.
4. Penggajian pencari ke dalam pasaran pekerjaan juga di pengaruhi oleh faktor-faktor seperti kadar gaji dan upah, bonus, persekitaran kerja, peluang kenaikan pangkat, insentif kerja seperti kewangan, perubatan dan lokasi tempat kerja yang dipersetujui oleh pencari kerja dan majikan di dalam suatu kontrak perkhidmatan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan serta pengalaman dan pelbagai kemahiran yang bersesuaian yang diperlukan oleh majikan.